

19/01/2002

Nyah jika buat kacau (HL)

Mutazar Abd Ghani; Wan Jailani Abdul Razak

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta pekerja asing di negara ini pulang ke negara asal jika berpendapat Malaysia tidak sesuai untuk mereka.

Perdana Menteri juga menegaskan, warga Indonesia akan menjadi pilihan terakhir bagi mengisi kekosongan tenaga kerja asing di negara ini berikutan kekacauan yang sering dicituskan mereka.

"Tolonglah nyah balik ke negara sendiri. Kalau nak cari kerja, nak cari makan, kita rela mereka bekerja untuk cari makan di sini kalau mereka tidak timbul masalah kepada kita," katanya ketika berucap pada majlis ramah mesra bersama pegawai kerajaan daerah Kubang Pasu, di Jitra hari ini.

Awal pagi semalam, sekumpulan 500 pekerja Indonesia yang menginap di asrama kilang Hualon di Nilai, Negeri Sembilan merusuh dan menyerang anggota polis yang menjalankan operasi pencegahan dadah di situ.

Mereka dikatakan bertindak ganas kerana membantah penahanan 16 rakan yang disahkan positif dalam ujian air kencing bagi mengesan dadah.

Pekerja Indonesia, yang bersenjatakan parang, pisau, kayu dan batu itu juga memecahkan pintu dan cermin asrama sebelum membuang pecahan kerusi di merata kawasan kilang serta turut merosakkan sekurang-kurangnya empat kenderaan polis.

Dr Mahathir berkata, amat malang apabila melihat orang yang datang menumpang di negara ini untuk mencari makan merusuh kerana sesuatu sebab, apa lagi bukanlah budaya rakyat negara ini.

Katanya, walaupun kerajaan tidak suka melihat pekerjaan di negara ini diisi pekerja asing, ia terpaksa merelakannya kerana sesetengah bidang pekerjaan mengalami kekurangan tenaga pekerja tempatan.

Bagaimanapun, katanya, kerajaan harus berhati-hati kerana kalau terlalu ramai pekerja asing membuat kerja yang begitu penting, negara akan terlalu bergantung kepada mereka.

Oleh itu, amat penting bagi rakyat memiliki ilmu dan kecekapan supaya semua kerja yang diperlukan oleh negara dapat dilaksanakan mereka sendiri.

"Negara kita sanggup terima pendatang asing dan kita terima mereka sehingga memberi kepada mereka taraf rakyat negara ini. Tetapi, kalau golongan pendatang lebih ramai, tidak dapat tidak kita akan dikuasai mereka," katanya.

Sementara itu, menjawab soalan pemberita selepas majlis bersama pemimpin Barisan Nasional Kedah di Dewan Tunku di sini, Dr Mahathir berkata kerajaan akan hanya mengambil pekerja dari negara yang tidak menimbulkan masalah bagi memenuhi keperluan pekerja asing pada masa depan.

"Kita perlu menghantar mereka (pekerja Indonesia) semula. Kita tidak boleh terima sikap seperti ini sebagai sebahagian pekerja asing kita. Mereka adalah tetamu kita dan mereka sepatutnya menghormati undang-undang negara ini," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang membawa perkara itu kepada pihak berkuasa Indonesia, Dr Mahathir berkata buat masa ini kerajaan belum mempunyai rancangan, tetapi akan berbuat demikian apabila perlu.

Mengenai usaha mengurangkan kemasukan pekerja asing ke negara ini, beliau berkata kerajaan memang mahu berbuat demikian, tetapi banyak kilang memerlukan pekerja dan disebabkan pekerja tempatan tidak mencukupi, pekerja asing terpaksa diambil.

(END)

